



ADAB BERMUSAFIR HAJI DAN KEPENTINGAN APLIKASINYA DALAM SEKTOR PELANCONGAN

Lukman Hakimi bin Mohamad Shafie, Mohd Fahmi bin Jamaluddin, Ahmad Shauqi bin Shafie, Muhammad Saiful Aiman bin Muhamad Pauzi & Muhammad Alif Asraf bin Mohd Nazri*
aimansaiful805@gmail.com

Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

ABSTRAK

Agama Islam amat menekankan adab dalam setiap amalan umatnya termasuklah dalam bermusafir haji ke tanah suci. Adab-adab tersebut bukan sahaja untuk perlu dituruti ketika musafir haji bahkan ia juga perlu diadaptasi dalam sektor pelancongan. **Objektif:** Penulisan ini adalah berobjektifkan untuk memperlihatkan dan mengetahui adab-adab bermusafir haji ini juga sesuai dipraktik dan diaplikasi dalam industri pelancongan bagi memastikan industri berjalan sejajar dengan kehendak Syariat Islam. **Metodologi:** Kajian berbentuk kualitatif ini adalah merujuk kepada kajian kepustakaan. Maklumat yang diperolehi, dianalisis secara deduktif dan induktif bagi memastikan ia dapat diolah dan disusun secara mudah. **Dapatan:** Kajian mendapati adab-adab musafir haji pada asasnya adalah bersifat universal, iaitu boleh diaplikasi dalam lain-lain musafir. Perbezaannya adalah dari aspek niat dan matlamat. Adab-adab ini jika dituruti adalah suatu elemen yang mampu mencegah dan menjauhkan sektor pelancongan dari perkara-perkara yang dilarang oleh syarak. Kajian ini membuktikan bahawa agama Islam bersifat syumul yang mana ajarannya mampu diamalkan dalam setiap aspek kehidupan tanpa dibatasi oleh tempat dan zaman. **Kesimpulan:** Adab-adab musafir haji adalah umpama satu garis panduan am yang perlu diikuti oleh umat Islam bahkan sektor pelancongan.

Kata Kunci : Adab-adab , Aplikasi , Haji , Musafir , Sektor Pelancongan.

Pengenalan

Mengerjakan ibadah haji bermaksud menziarahi Baitul al-Haram di tanah suci Mekah al-Mukarramah pada masa-masa tertentu, dengan tujuan dan niat mengerjakan amalan-amalan seperti tawaf Baitullah, saie, wukuf di Arafah, melaksanakan manasik Haji dan memenuhi perkara-perkara wajib serta larangan-larangan terhadap ibadah tersebut (Abdullah Wahab Haji Hamid: 1990). Perjalanan menuju ke Baitullah untuk mengerjakan rukun Islam yang ke lima merupakan suatu kewajipan bagi setiap individu muslim yang berkemampuan. Perjalanan bagi melaksanakan ibadah Haji yang merupakan suatu pensyariaan oleh Allah S.W.T yang mempunyai tujuan, adab-adab, peraturan-peraturan dan hikmah-hikmah yang tersendiri (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi: 2011).

Bermusafir ke sesuatu tempat atau destinasi sangat dituntut dalam Islam bagi tujuan untuk melihat keagungan dan kebesaran ciptaan Allah S.W.T. Islam telah menetapkan adab-adab yang perlu di lakukan ke atas setiap individu bagi mencapai tujuan dan matlamat perjalanan mengikut acuan yang telah diajarkan oleh Islam. Persoalan yang boleh dibangkitkan di dalam penulisan ini adalah “Adakah adab-adab ketika menunaikan ibadah Haji di tanah Haram boleh diaplikasikan dalam bermusafir selain untuk menunaikan Haji?”.

Pada penilaian dan penelitian penulis terhadap kajian dan penulisan-penulisan ilmiah mendapati bahawa adab-adab dalam bermusafir untuk mengerjakan Haji sangat penting untuk diaplikasikan dalam bermusafir ke sesuatu tempat atau destinasi lain. Terdapat beberapa pembahagian berkenaan adab-adab bermusafir untuk mengerjakan Haji. Antaranya ialah adab menjelang sebelum memulakan perjalanan, adab semasa perjalanan, adab ketika memasuki Mekah dan adab-adab ketika kembali dari tanah suci (H. A. Fuad Said: 1995). Adab-adab yang telah disebutkan merupakan antara adab-adab yang penting untuk diaplikasikan dalam bermusafir walaupun selain mengerjakan Haji, akan tetapi terdapat adab yang tidak sesuai untuk diamalkan melainkan sewaktu mengerjakan ibadah Haji iaitu adab ketika memasuki Mekah. Adab ketika memasuki Mekah merupakan adab yang khusus bagi setiap individu yang menunaikan ibadat tersebut, adab ini akan dijelaskan pada penerangan seterusnya.

Justeru, penulis ingin mengetengahkan perkara ini di dalam sektor pelancongan yang diuruskan sama ada daripada pihak kerajaan mahupun swasta. Hal ini kerana pengamalan ini sangat memberi impak yang amat bernilai di dalam meningkatkan sektor pelancongan yang memenuhi serta menepati ajaran Islam bagi setiap individu muslim. Kebanyakan negara-negara memperkenalkan sektor pelancongan mereka yang menjurus kepada mematuhi kehendak syarak, ianya bertujuan untuk memberi keselesaan kepada pelancong-pelancong muslim. Oleh itu, pihak yang berwajib perlu memperkenalkan dan mempromosi adab-adab bermusafir Haji kepada masyarakat umum yang membolehkan mereka mengamalkannya.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui adab-adab bermusafir haji dan sejauh mana adab-adab tersebut dapat diaplikasikan dalam sektor pelancongan samada dalam mahupun luar negara.

Metodologi

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif dan reka bentuk kajian adalah kajian perpustakaan, iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti di lapangan. Bentuk kajian ini lebih menjimatkan masa dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Walau bagaimanapun cara ini adalah terhad dari segi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian memandangkan kajian ini hanya bergantung kepada bahan-bahan rujukan di perpustakaan dan laman-laman web yang berautoriti sahaja.

Maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian (adab bermusafir haji dan kepentingan aplikasinya dalam sektor perlancongan) ini di ambil daripada 10 buah buku dan 5 laman web yang menerangkan tentang ibadat haji secara mendalam. Hasil daripada pembacaan dan penelitian penulis kebanyakan karangan atau penulisan sebelum ini lebih menfokuskan kepada ibadat haji dan umrah serta adab-adab sebelum semasa dan selepas menunaikan ibadat tersebut.

Oleh hal yang demikian penulis mengumpul keseluruhan maklumat yang berkaitan dengan adab-adab permusafiran haji dan umrah tersebut dan menerapkan adab-adab yang berkaitan ke dalam sektor perlancongan. Hal ini bagi memastikan masyarakat pada harini mempunyai satu garis panduan yang boleh menjadikan perlancongan mereka sebagai satu perlancongan yang menepati garis panduan syarak dan menjadikan perlancongan sebagai satu ibadat kepada mereka.

Dapatan Kajian

Haji merupakan rukun islam yang kelima dan ianya merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan oleh orang islam bagi yang berkemampuan. Selain ianya menjadi lambang taabudiah seorang hamba terhadap Allah Taala ia juga mempunyai beberapa sifat keimanan yang dituntut di sebalik pelaksanaannya. Antara sifat-sifat keimanan yang dituntut tersebut antaranya ialah mengakui keagungan Allah, kesabaran dalam

menghadapi ujian dan penanaman sifat bergantung kepada Allah (Mujib Abdul Kadir : 2010). Seperti yang kita ketahui ibadah haji merupakan satu ibadah yang menuntut umat islam bermusafir ke tanah suci mekah mengikut syarat-syarat tertentu untuk menyempurnakannya. Oleh yang demikian, ianya berkait rapat dengan permusafiran yang mana secara tidak langsung menjadi satu petunjuk kepada umat islam dalam bermusafir ke suatu tempat atau juga disebut sebagai melancong.

Pelancongan didefinisikan sebagai gerakan sementara oleh manusia ke destinasi lain di luar tempat kerja dan tempat tinggalnya yang biasa, kegiatan yang mereka lakukan selama tinggal di destinasi tersebut, dan kemudahan yang disediakan untuk memenuhi keperluan mereka (Alister Mathieson, Geoffery Wall : 1982). Dalam islam melancong dieertikan dengan pelbagai istilah seperti musafir, ziarah, rehlah, siyahah, umrah dan haji (Azmin Mohamed Salleh, Wan Mohd Zul, Mohd Taha: 2015). Pelancongan dalam islam adalah bertujuan untuk menambah iman dan beribadat kepada Allah yang mana contohnya adalah musafir haji dan umrah itu sendiri. Kemudian, mengambil pengajaran daripada kesan bencana umat terdahulu serta mengingati perjuangan para nabi dan rasul. Secara tidak langsung kesemua tujuan tersebut dapat kita lalui melalui perjalanan umat islam dalam melaksanakan ibadah haji di tanah suci. Justeru itu, pelbagai adab-adab yang digariskan dalam musafir haji seandainya diterapkan dalam pelancongan ianya mampu menjadikan pelancongan tersebut sebagai pelancongan ibadah.


Oleh daripada itu, dapatan kajian yang diperolehi melalui penulisan yang dikaji ialah terdapat beberapa adab bermusafir Haji dan kepentingan aplikasinya dalam sektor pelancongan. Antara adab yang menjadi dapatan kajian tersebut ialah adab sebelum bermusafir. Ia terbahagi kepada beberapa perkara iaitu meminta izin dan restu kedua-dua ibu bapa (H.A Fuad Said : 1994). Jika ibu bapa tidak mengizinkannya, maka perlulah diperhatikan semula perkara tersebut. Hal ini juga perlu dilakukan bagi mereka yang ingin melakukan permusafiran ke mana sahaja termasuklah ketika ingin melakukan pelancongan. Selain itu, dalam permusafiran haji juga hendaklah menggunakan segala pembiayaan yang halal dan bebas daripada unsur-unsur syubhah (Zulkifli Mohamad Al-Bakri: 2011). Jika digunakan wang haram atau perkara daripada sumber yang tidak halal maka ibadah haji tidak memenuhi kesempurnaan haji yakni bagi mendapatkan haji yang mabrur. Dalam merancang pelancongan juga seseorang individu tersebut wajib

menggunakan pembiaian yang halal agar perjalanannya pergi dan pulang diberkati oleh Allah Taala.

Kemudian, adab dalam perjalanan juga merupakan satu aspek yang penting dalam permusafiran haji. Yang pertama ialah mencari teman yang baik. Teman yang baik adalah orang yang soleh dan alim terutamanya dalam bab mengerjakan haji. Ini kerana mereka dapat membimbing dan memberi tunjuk ajar dan jika terlupa, diingatkannya dan jika salah diperbaikinya. (H.A Fuad Said : 1994) Secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara umat Islam. Perkara ini haruslah dapat diaplikasinya dalam sektor pelancongan bukan ketika bermusafir haji sahaja iaitu dengan memiliki teman perjalanan yang baik ketika melancong dapat mengingatkan kita kepada akhirat ketika kita mula dibuai keenakan dunia dan menjadi pembimbing kepada permasalahan feqah yang dihadapi dalam perjalanan tersebut. Disamping itu, selayaknya ketika bermusafir haji, hendaklah berkelakuan baik, sopan santun. Ramai didapati bahawa segelintir orang yang bermusafir tidak menjaga kelakuan dengan baik, oleh hal demikian, perkara tersebut akan menyebabkan pandangan serong daripada masyarakat lain dan menjatuhkan imej Islam yang dibawa. Sekiranya kita sentiasa berakhlak baik bahkan bukan sahaja ketika bermusafir haji, malahan ketika melancong ke sesuatu tempat, perkara ini akan menaikkan imej Islam serta tidak langsung dapat meningkatkan sektor pelancongan.

Selain itu, berdasarkan dapatan daripada hasil penulisan kami yang mana perkaitan antara adab-adab bermusafir haji dengan pengaplikasiannya dalam sektor Pelancongan ialah melancong dengan mengunjungi tempat yang barakah dan baik seperti maqam-maqam para awliya yang mana berdekatan dengan tempat kita bermusafir. Ini juga merupakan antara adab-adab yang mana perlu diterapkan dalam sektor pelancongan dan juga merupakan perkara yang sangat dituntut dalam islam dengan memuliakan para-para awliya. Telah menjadi adab kemuliaan bagi jemaah haji apabila bermusafir haji pasti melawat di perkuburan baqi' untuk memperoleh barakah daripadanya. Begitu juga ketika melancong ke suatu tempat adalah lebih baik seandainya mengunjungi tempat-tempat yang mana melambangkan syiar islam ketika suatu masa dahulu agar kehebatan islam itu dapat dikenang dan diingati sentiasa.

Kesimpulannya, dalam melakukan aktiviti perlancongan beberapa adab-adab sepertimana yang dinyatakan diatas perlulah untuk diplikasikan kerana dalam islam melancong itu bukanlah bertujuan untuk mencari keseronokan semata-mata sebaliknya ianya merupakan suatu ibadah. Oleh demikian menjadikan adab-adab musafir haji sebagai garis panduan dalam adab melancong adalah suatu kepastian yang harus dituruti oleh umat islam dalam melancong agar tujuan sebenar sebuah pelancongan itu tercapai.



Rajah 1

Penutup

Secara kesimpulannya, seperti yang diketahui oleh semua islam merupakan sebuah agama yang mementingkan tingkah laku sopan dan akhlak yang mulia. Ianya dengan jelas dinyatakan oleh rasullullah dalam beberapa sabda baginda antaranya ialah

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik.

Justeru itu, dalam meningkatkan kualiti dan menzahirkan imej yang baik dalam sektor pelancongan negara kita perlulah menerapkan adab-adab musafir haji kedalam sektor ini kerana secara tidak langsung penerapan adab yang baik dalam sektor pelancongan akan menjadi satu nilai tambah yang mampu meningkatkan mutu sektor ini. Tambahan lagi menurut berita yang dikeluarkan oleh Berita Harian sektor pelancongan menyumbang RM84.1 bilion kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi ketibaan kira-kira 25.8 juta pelancong antarabangsa ke negara ini tahun lalu. (Suhaila Shahrul Annuar : 2019). Hal ini jelas menunjukkan betapa pentingnya sektor pelancongan kepada ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian ia harus ditingkatkan agar menarik lebih ramai pelancong sekaligus menjadi medium dakwah kepada para pelancong.

Rujukan

- Abdul Wahab Haji Hamid. (1990). Panduan Sistematis Haji dan Umrah. Kuala Lumpur: "K" Publishing & Distribution Sdn. Bhd.
- Abu Inas Husayna, Abu Nafisah. (2008). Manasik Umrah & Ziarah. Kuala Lumpur: Pustaka Al Shafa.
- Abu Mazaya Al Hafiz, Abdul Rahman Saleh Siregar. (2015). Panduan Haji, Umrah & Ziarah. Selangor: Al Hidayah House of Publisher.
- H.A. Fuad Said. (1994). Adab Manasik Haji & Umrah. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Hairul Azman. (2009). Jangan Sekadar Haji Miliki Haji Mabru. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.
- Izzah Syakirah Maaruf. (2018). Malaysia Tumpuan Pelancongan Islam Global. Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2018/10/485226/malaysia-tumpuan-pelancongan-islam-global>
- Lukman Tarmizi. (2019). Adakah Berhibur Dan Melancong Boleh Dianggap Rukhsah Untuk Jamak Dan Qasar. Dicapai daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3275-al-kafi-1197-adakah-berhibur-dan-melancong-boleh-dianggap-rukhsah-untuk-jamak-dan-qasar>
- Mohd Saleh Haji Awang. (1986). Haji di Semenanjung Malaysia Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300 – 1405H (1896-1985M). Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khassasi. (2011). Passport Musafir. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Safwan Fathy. Bimbingan Umrah dan Ziarah Mengikut Kronologi Perjalanan. Selangor: Warisan Al-Fathy Sdn. Bhd.
- Suhaila Shahrul Annuar. (2019). Sektor Pelancongan Sumbang RM84.1 Bilion. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/535609/sektor-pelancongan-sumbang-rm841-bilion>
- Syed Ahmad Syed Abdullah Al-Aidrus. (2009). Fadhilat Mengerjakan Haji & Panduan Haji Mabru. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Umar Mukhtar Mohd Noor. (2016). Maksud Musafir, Mukim dan Bermastautin Serta Berapa Hari Boleh Jamak Qasar. Dicapai daripada <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1364-al-kafi-255-maksud-musafir-mukim-dan-bermastautin-serta-berapa-hari-boleh-jamak-qasar>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2011). Kitab Al-Taudhih Syarh Al-Idhah Fi Manasik Al-Hajji Wa Al-Umrah. Selangor: Darul Syakir Enterprise.